



UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen 24

ENAKMEN BIODIVERSITI PAHANG 2021

Tarikh Perkenan Diraja	25 Oktober 2021
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	18 November 2021

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

ENAKMEN BIODIVERSITI PAHANG 2021

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II MAJLIS

3. Penubuhan Majlis Biodiversiti Pahang
4. Keahlian Majlis
5. Hilang kelayakan menjadi ahli
6. Meterai perbadanan
7. Mesyuarat dan kuorum
8. Elaun yang boleh dibayar kepada ahli Majlis
9. Setiausaha Majlis
10. Pekhidmat awam
11. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*]
12. Percanggahan kepentingan

BAHAGIAN III FUNGSI DAN KUASA MAJLIS

13. Fungsi Majlis
14. Kuasa-kuasa Majlis
15. Pusat Biodiversiti Pahang
16. Arahan-arahan Menteri Besar
17. Pelantikan ahli jawatankuasa dan Penasihat
18. Perwakilan kuasa, fungsi dan tugas
19. Perlindungan daripada tindakan undang-undang

BAHAGIAN IV

PENUBUHAN TABUNG

Seksyen

20. Tabung Pusat Biodiversiti

BAHAGIAN V

PENGURUSAN KEWANGAN

21. Aset yang tidak dibelanjakan
22. Aset tidak alih tidak boleh dilupuskan tanpa kebenaran
23. Penyimpanan akaun
24. Tahun kewangan dan akaun beraudit
25. Siasatan terhadap akaun
26. Laporan tahunan

BAHAGIAN VI

PERMOHONAN AKSES

27. Lesen akses
28. Permohonan lesen akses
29. Maklumat bagi permohonan lesen akses
30. Fi permohonan
31. Penilaian tentang permohonan lesen akses
32. Prosedur membuat keputusan
33. Rayuan
34. Syarat-syarat kelulusan bagi lesen akses
35. Terma-terma lesen akses
36. Kajian semula keputusan yang dibuat oleh Majlis

BAHAGIAN VII

KESALAHAN DAN PENALTI

37. Kesalahan-kesalahan
38. Pengambilan barang bukti, data atau sumber-sumber yang tidak dibenarkan daripada Pusat Biodiversiti

Seksyen

39. Larangan terhadap eksport sumber-sumber biologi
40. Kuasa memasuki dan menyiasat
41. Kuasa memeriksa
42. Kuasa menyita
43. Kuasa menangkap
44. Halangan
45. Pendakwaan
46. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

47. Peraturan-Peraturan
48. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang
49. Pengecualian
50. Rizab Melayu
51. Pemakaian peraturan-peraturan Kerajaan Persekutuan dan Negeri
52. Pembubaran Majlis

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

Enakmen 24

ENAKMEN BIODIVERSITI PAHANG 2021

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL
IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN
ABDULLAH RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
Pemangku Raja Pahang

2021

Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Pahang dan Pusat Biodiversiti Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Biodiversiti Pahang 2021**.

(2) Enakmen ini berkuat kuasa pada satu tarikh yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akses” ertinya semua aktiviti berkaitan dengan cari gali, pemungutan, penggunaan komersil dan penyelidikan dan perkembangan sumber-sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan;

“biodiversiti” ertinya kepelbagaian biologi, iaitu perubahan di kalangan organisma yang hidup daripada semua sumber, termasuklah bahan-bahan tumbuhan, daratan, marin dan ekosistem akuatik yang lain dan kumpulan ekologi yang mereka adalah sebahagian daripadanya, dan kepelbagaian dalam spesis, di antara spesis dan ekosistem, dan termasuklah sumber-sumber biologi;

“bioteknologi” ertinya apa-apa pemakaian teknologi yang menggunakan sumber-sumber biologi, atau keturunan daripadanya, untuk membuat ubahsuai produk atau proses bagi kegunaan tertentu;

“Ketua Eksekutif Perbadanan” ertinya Ketua Eksekutif Perbadanan Taman Negeri Pahang;

“lesen akses” ertinya lesen yang diberikan oleh Majlis kepada mana-mana Pemungut untuk mengakses sumber-sumber biologi;

“Majlis” ertinya Majlis Biodiversiti Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“masyarakat asli atau tempatan” ertinya mana-mana kumpulan anak negeri sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 3, Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*] dan sesiapa yang berkongsi pengetahuan tradisi dan mempunyai kepentingan yang sama dalam penggunaan dan pemeliharaan biodiversiti;

“Pemungut” ertinya mana-mana individu, sekumpulan individu, institusi pendidikan dan penyelidikan atau badan korporat yang meminta akses kepada sumber-sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan dan di mana konteks menghendaki, yang telah disebutkan terdahulu kepada lesen akses diberikan;

“pengetahuan yang berkaitan” ertinya apa-apa pembaharuan atau amalan individu atau berkumpulan dengan nilai sebenar atau berpotensi berkaitan dengan sumber-sumber biologi di dalamnya;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Taman Negeri Pahang;

“premis” termasuklah apa-apa bangunan, stor, kandang, kenderaan, vesel atau struktur, sama ada bertutup atau sebaliknya;

“pungutan *ex situ*” termasuklah sumber-sumber biologi yang ditempatkan, ditanam, dikumpul, disimpan atau ditemui di luar habitat semulajadi mereka seperti herbarium, institusi penyelidikan, universiti, taman tumbuhan, pungutan persendirian dan apa-apa pusat pemeliharaan serupa yang lain;

“Pusat Biodiversiti” ertinya Pusat Biodiversiti Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang akan dilantik oleh Menteri Besar;

“sumber-sumber biologi” termasuklah sumber-sumber genetik atau bahan-bahan tumbuhan, haiwan atau apa-apa komponen biotik ekosistem yang lain dengan kegunaan sebenar atau berpotensi atau bernilai bagi manusia.

BAHAGIAN II

MAJLIS

Penubuhan Majlis Biodiversiti Pahang

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Majlis dengan nama “Majlis Biodiversiti Pahang” yang akan mempunyai perwarisan kekal dan meterai, yang boleh mendakwa dan didakwa atas

namanya, tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, memegang dan menggunakan harta alih dan tak alih daripada segala jenis dan boleh memindah hak, menyerah hak, mendemis, menyerahkan, melepaskan, menggadai, menggadai janji, memajak, menyerahkan semula, memindah milik atau dengan jalan lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan dengan mana-mana harta alih atau harta tak alih atau sebarang kepentingan yang dilaburkan dalam Majlis dengan terma-terma yang difikirkan sesuai.

Keahlian Majlis

4. (1) Keahlian Majlis adalah seperti yang berikut—

- (a) Menteri Besar sebagai Pengerusi;
- (b) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya yang diberikuasa;
- (d) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (e) Pegawai Kewangan Negeri;
- (f) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan);
- (g) seorang pegawai pentadbiran awam Negeri yang dipertanggungjawabkan dalam pentadbiran Majlis ini;
- (h) Pengarah Perhutanan Negeri Pahang;
- (i) Ketua Eksekutif Perbadanan Taman Negeri Pahang atau wakilnya yang diberikuasa;
- (j) Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Pahang;
- (k) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang;
- (l) Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang; dan
- (m) tidak lebih daripada sepuluh ahli lain yang dilantik oleh Menteri Besar.

(2) Menteri Besar boleh berkenaannya dengan setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (*m*) melantik seorang ahli gantian untuk menghadiri bagi ahli tersebut sebagai ganti di mesyuarat Majlis jika ahli tersebut tidak boleh hadir.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis, ahli gantian tersebut hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai ahli Majlis.

(4) Seorang ahli gantian hendaklah, melainkan dia meletakkan jawatan lebih awal atau pelantikannya dibatalkan lebih awal, terhenti sebagai ahli ganti dan ahli Majlis.

Hilang kelayakan menjadi ahli

5. (1) Orang-orang berikut akan hilang kelayakan untuk dilantik atau menjadi ahli Majlis—

- (a) jika dia disahkan sebagai seorang yang tidak siaman atau tidak boleh melaksanakan tugas-tugasnya;
- (b) orang yang dilarang daripada menjadi pengarah syarikat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan syarikat;
- (c) seseorang yang telah didapati bersalah atas kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau kekacauan moral; atau
- (d) jika dia diisytihar seorang yang tidak berkemampuan atau seorang bankrap atau membuat sesuatu penyelesaian dengan pemiutang.

(2) Seseorang ahli Majlis yang dilantik hendaklah disifatkan mengosongkan jawatannya—

- (a) atas kematiannya;
- (b) atas peletakan jawatannya;
- (c) atas kegagalannya untuk menghadiri tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis tanpa kebenaran daripada Menteri Besar; atau

- (d) jika dia tidak layak untuk menjadi ahli di bawah subseksyen (1),

dan ahli lain boleh dilantik untuk menggantikannya bagi baki tempoh pelantikan ahli yang digantikan itu menurut peruntukan Enakmen ini.

Meterai perbadanan

6. (1) Majlis hendaklah mempunyai apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Majlis dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa, boleh dipecahkan, diubah atau dibuat yang baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Sehingga satu meterai diberikan oleh Majlis, satu cap yang bertuliskan “Majlis Biodiversiti Pahang” akan digunakan dan dianggap sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan di bawah subseksyen (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan akan disahkan olehnya atau oleh orang yang diberikuasa oleh Majlis secara bertulis, dan semua akta, dokumen dan instrumen lain yang dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagai yang dinyatakan sebelumnya, kecuali jika sebaliknya disetujui, akan dianggap sah.

(4) Meterai perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Mesyuarat dan kuorum

7. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiap-tiap enam bulan atau mengikut keperluan bagi tahun itu.

(2) Kuorum Majlis pada mana-mana mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya tujuh ahli Majlis.

(3) Menteri Besar hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis. Jika disebabkan oleh ketiadaan atau ketidakupayaannya untuk menjalankan fungsinya sebagai Pengerusi Majlis disebabkan sakit atau apa-apa sebab lain, Pengerusi Majlis hendaklah memilih seorang yang difikirkan sesuai untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

(4) Ketua Eksekutif Perbadanan atau seseorang yang dilantik oleh Majlis sebagai setiausaha mesyuarat hendaklah menjadi Setiausaha Mesyuarat Majlis.

(5) Keputusan Majlis hendaklah diambil dengan undian majoriti ahli-ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat.

(6) Sekiranya jumlah undian atas setiap perkara adalah sama, Pengerusi hendaklah memberi undi pemutus.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (1), (2) dan (3) Majlis bolehlah membuat prosedurnya sendiri.

(8) Minit mesyuarat Majlis hendaklah dicatat dan disimpan.

(9) Menteri Besar boleh menjemput atau meminta seseorang, yang bukan ahli Majlis, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihatinya tetapi orang yang menghadiri tersebut tiada hak untuk mengundi di dalam mesyuarat.

Elaun yang boleh dibayar kepada ahli Majlis

8. Maka bolehlah dibayar kepada seorang ahli Majlis daripada Tabung Pusat Biodiversiti, termasuk elaun perjalanan dan sara hidup yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa tertakluk kepada had dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Setiausaha Majlis

9. Menteri Besar boleh melantik seorang warganegara Malaysia yang berkelayakan atau difikirkan sesuai untuk menjadi Ketua Eksekutif Perbadanan yang juga sebagai Setiausaha Majlis.

Pekhidmat awam

10. Semua ahli Majlis, pegawai dan pekhidmat Majlis hendaklah dianggap sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*]

11. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis atau terhadap Pengerusi, mana-mana ahli Majlis, pegawai, pekhidmat atau wakil Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau dilakukan oleh Majlis atau seseorang dalam kapasiti tersebut.

Percanggahan kepentingan

12. (1) Tiada ada seorang pun ahli Majlis boleh mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, secara peribadi atau melalui saudara, dari segi kewangan atau selainnya, dalam mana-mana skim, projek, perusahaan atau kontrak yang dijalankan atau yang dicadangkan untuk dijalankan oleh Majlis atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Majlis dan jika dia telah, dia hendaklah dengan serta-merta terhenti daripada menjadi ahli Majlis.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang ahli Majlis berkenaan dengan kepentingannya dalam syarikat atau badan lain yang telah dicalonkan oleh Majlis untuk menjadi wakilnya dan di mana syarikat atau badan lain itu berada dalam kawalan atau separa kawalan Majlis.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA MAJLIS

Fungsi Majlis

13. Fungsi Majlis adalah—

- (a) secara umum menasihati Kerajaan Negeri atas perkara-perkara berkaitan dengan pemeliharaan dan penggunaan berterusan sumber-sumber biologi;
- (b) untuk menggalakkan penubuhan dan mengukuhkan pengurusan sumber-sumber biologi Negeri;
- (c) untuk menimbang, merumus dan mengkaji semula dasar Negeri berkenaan dengan bioteknologi dan pemakaian terhadap bioteknologi;
- (d) untuk menyelaras aktiviti-aktiviti tempatan, Negeri dan Kebangsaan berhubung dengan pemeliharaan, penyelidikan dan penggunaan berterusan sumber-sumber biologi dan biodiversiti;
- (e) untuk menyelaras penyediaan aktiviti-aktiviti serantau dan antarabangsa berkaitan dengan pemeliharaan, penyelidikan dan penggunaan berterusan sumber-sumber biologi dan biodiversiti;
- (f) untuk menasihati serta menyelaras semua urusan berkaitan Taman Negeri Pahang dan Perbadanan Taman Negeri Pahang;
- (g) untuk mengusahakan semua aktiviti yang pada pendapat Majlis adalah perlu bagi, atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya; dan
- (h) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Besar bagi pelaksanaan pentadbiran Enakmen ini.

Kuasa-Kuasa Majlis

14. Majlis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya di bawah Enakmen ini—

- (a) untuk meluluskan dan mengeluarkan lesen akses sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;
- (b) untuk mengawal selia akses kepada sumber-sumber biologi Negeri termasuklah pengalihan biodiversiti daripada Negeri;
- (c) untuk mengurus Pusat Biodiversiti atau untuk melantik mana-mana orang atau badan untuk mengurus Pusat Biodiversiti bagi pihaknya;
- (d) untuk menerima derma, pemberian, hadiah harta alih atau tak alih daripada mana-mana sumber atau untuk meningkatkan wang melalui apa-apa cara yang sah; dan
- (e) apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diperuntukkan kepada Majlis oleh Menteri Besar.

Pusat Biodiversiti Pahang

15. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Pusat Biodiversiti dengan nama “Pusat Biodiversiti Pahang” untuk diurus dan diselenggara oleh Majlis yang bertujuan untuk—

- (a) menyediakan Negeri dan institusi lain yang diluluskan oleh Negeri dengan maklumat atau data yang tepat ke atas status, magnitud, pembahagian, penggunaan dan nilai biodiversiti dalam Negeri;
- (b) mengurus dan penggunaan berterusan biodiversiti Negeri, termasuk menetapkan dasar dan garis panduan bagi penyelidikan saintifik atau eksperimen berkaitan dengan akses dan penggunaan sumber-sumber biologi Negeri bagi tujuan farmasi, perubatan dan tujuan-tujuan tertentu yang lain;

- (c) menjalankan apa-apa aktiviti usaha sama atau bersama dengan badan-badan atau orang-orang lain termasuk jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki dan meningkatkan pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber biologi Negeri;
- (d) merumuskan program-program bagi tinjauan sistematik biodiversiti dan pengumpulan dan analisis data padanya;
- (e) mengenalpasti kepentingan-kepentingan bagi penyelidikan biodiversiti bertujuan untuk meningkatkan usaha, pemeliharaan dan penggunaan berterusan biodiversiti dan sumber-sumber biologi, termasuk etnobotani, taksonomi dan penggunaan tradisional;
- (f) menggalakkan pengenalpastian produk semulajadi baru dan bioteknologi yang didapati daripada biodiversiti dan sumber-sumber biologi Negeri;
- (g) merancang dan memulakan program bagi penggunaan, pemeliharaan, perlindungan dan perkembangan berterusan biodiversiti dan sumber-sumber biologi;
- (h) mewujudkan satu sistem pangkalan data bagi semua barang pameran, rekod yang dipamerkan dan ditulis berkenaan dengan penggunaan, penanaman dan pengurusan sumber-sumber biologi Negeri;
- (i) mewujudkan satu rangkaian penyelidikan dalam institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, perpustakaan dan pusat-pusat dokumentasi untuk membantu dalam membina atau menjadi sebahagian daripada sistem merekod apa-apa pengetahuan;
- (j) mewujudkan atau menyebabkan untuk diwujudkan satu sistem untuk melindungi sumber-sumber biologi supaya masyarakat asli dan tempatan akan, pada sepanjang masa dan selama-lamanya menjadi pencipta yang sah, pengguna dan penjaga pengetahuan tersebut, dan akan mendapat faedah secara kolektif daripada penggunaan pengetahuan tersebut;

- (k) mewujudkan kesinambungan dengan institusi atau badan lain, di dalam atau di luar negeri, dengan maksud untuk meningkatkan pengurusan, perlindungan, pemeliharaan dan penggunaan biodiversiti dan sumber-sumber biologi masyarakat asli dan tempatan Negeri;
- (l) menjalankan semua aktiviti yang pada pendapat Majlis adalah perlu, berfaedah atau memudahkan bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya; dan
- (m) secara umum menggalakkan pendidikan dan pengetahuan biodiversiti Negeri.

(2) Menteri Besar hendaklah melantik beberapa pegawai-pegawai lain sebagaimana yang difikirkan perlu dan bermanfaat bagi pentadbiran Pusat Biodiversiti Pahang yang hendaklah dilantik dari kalangan ahli-ahli Perkhidmatan Awam Negeri.

Arahan-arahan Menteri Besar

16. (1) Menteri Besar boleh memberi apa-apa arahan kepada Majlis, yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, sebagaimana yang Menteri Besar fikirkan sesuai, untuk pelaksanaan dan penjalanan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di bawah Enakmen ini, dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan-arahan yang diberikan itu.

(2) Majlis hendaklah memberitahu Menteri Besar maklumat-maklumat berkenaan dengan harta-harta dan aktiviti-aktivitinya dari semasa ke semasa.

Pelantikan ahli jawatankuasa dan Penasihat

17. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang ahli Majlis dan boleh dipilih kepada jawatankuasa mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(3) Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri.

(4) Mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa dan Majlis boleh pada bila-bila masa menghentikan atau mengubah keahlian mana-mana Jawatankuasa itu yang ditubuhkan sedemikian.

(5) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang difikirkan mempunyai pengetahuan khusus untuk kebajikannya menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa dan orang yang tersebut tidak berhak mengundi dalam mesyuarat tersebut.

(6) Jawatankuasa akan melaporkan cadangan kepada Majlis.

(7) Boleh diberikan bayaran kepada setiap ahli jawatankuasa yang dilantik atau ditubuhkan di bawah subseksyen (1) daripada tabung elaun tersebut, termasuk perjalanan dan sara hidup sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(8) Majlis boleh melantik mana-mana orang dengan pengalaman, kepakaran yang dikehendaki dan pengetahuan dalam sumber-sumber biologi, sebagai Penasihat atau Konsultan bagi Majlis, dan boleh menubuhkan Panel Penasihat atau Konsultan untuk menasihati Majlis tentang pelaksanaan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya.

Perwakilan kuasa, fungsi dan tugas

18. (1) Majlis boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsinya, dan kuasa, selain daripada kuasa untuk meminjam wang, untuk menaikkan pinjaman atau membuat perundangan subsidiari, kepada—

(a) Pengerusi;

- (b) Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang ahli Majlis; atau
- (d) suatu jawatankuasa.

(2) Seseorang ahli Majlis, atau sesuatu jawatankuasa atau pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa itu hendaklah terikat mematuhi dan mengambil kira semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Majlis dan semua keperluan, prosedur dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis.

(3) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan dan dilaksanakan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Majlis itu sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan.

Perlindungan daripada tindakan undang-undang

19. Tiada tindakan guaman atau prosiding boleh dibawa atau dimulakan terhadap mana-mana ahli Majlis berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan dengan suci hati menurut atau dalam pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan Enakmen ini.

BAHAGIAN IV

PENUBUHAN TABUNG

Tabung Pusat Biodiversiti

20. (1) Bagi maksud Enakmen ini, satu tabung dikenali sebagai “Tabung Pusat Biodiversiti” hendaklah ditubuhkan.

(2) Tabung tersebut hendaklah mengandungi—

- (a) sejumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) pemberian daripada Kerajaan Persekutuan;
- (c) apa-apa bayaran, caj atau pembayaran lain yang dikutip oleh Majlis;
- (d) wang diperoleh oleh Majlis dengan operasi mana-mana projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Tabung;
- (e) derma dan sumbangan yang dibayar ke dalam Tabung oleh mana-mana badan berkanun, badan korporat, orang usahasama atau individu;
- (f) semua jumlah wang atau harta lain yang dalam apa-apa cara boleh dibayar atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang sampingan dengan fungsi atau kuasanya; dan
- (g) pungutan daripada orang awam melalui fi masuk kawasan kajian atau fi lesen kajian.

(3) Tabung tersebut hendaklah dilaksanakan menurut Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

(4) Tabung tersebut hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) pembayaran perbelanjaan bagi atau berkaitan dengan pentadbiran Majlis;
- (b) pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan Pusat Biodiversiti; dan
- (c) pembayaran bagi semua perbelanjaan yang perlu untuk menjalankan maksud Enakmen ini.

BAHAGIAN V

PENGURUSAN KEWANGAN

Aset yang tidak dibelanjakan

21. Aset Majlis boleh setakat mana ianya tidak dikehendaki untuk dibelanjakan, dilaburkan mengikut apa-apa cara atau disimpan di mana-mana institusi kewangan tertakluk dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Aset tidak alih tidak boleh dilupuskan tanpa kebenaran

22. Majlis tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Besar, melupuskan, menanggalkan atau menukarkan bagi ganjaran lain mana-mana asetnya melainkan Menteri Besar mengarahkan, samada secara khusus mengenai sesuatu aset, atau secara am mengenai mana-mana kategori aset, bahawa setelah mengambil kira nilai aset atau aset-aset itu yang rendah, kebenaran bertulis terlebih dahulu itu tidak perlu diperolehi.

Penyimpanan akaun

23. (1) Majlis hendaklah menyimpan dengan sepatutnya akaun dan lain-lain rekod berkenaan dengan urusan niaga dan hal ehwalnya mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah membuat segala yang perlu untuk memastikan bahawa semua pendapatan adalah dikira secara betul dan kawalan yang mencukupi dibekalkan ke atas hartanya atau ianya adalah di dalam simpanan Majlis dan ke atas sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Majlis.

(2) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu untuk mencapai objektif subseksyen (1) dan untuk memastikan sistem pengurusan kewangan dan kawalan dan amalan di dalam Majlis adalah teratur, Majlis boleh membuat peraturan mengenai—

- (a) pemungutan, penerimaan, penyimpanan, pengeluaran perbelanjaan, menyimpan akaun untuk, pengawasan dan pengurusan semua pendapatan, pinjaman, amanah dan

wang lain dan semua bon, diterima oleh atau ke atas akaun Majlis dan bagi panduan kesemua orang yang berkaitan dengannya;

- (b) pelantikan pegawai akaun Majlis dan tanggungjawabnya bagi memastikan wang dan harta Majlis adalah disimpan di bawah kawalan mereka pada setiap masa dan wang tersebut dibelanjakan dengan bijak, berekonomi dan sangat mengambil berat nilai yang diterima;
- (c) penyimpanan rekod, pemeriksaan dan naziran secara lebih efektif semua resit dan perbelanjaan dan penyimpanan semua buku dan akaun oleh Majlis;
- (d) borang-borang untuk semua buku, pulangan dan dokumen yang apa sahaja diperlukan di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya;
- (e) pembelian, penyimpanan selamat, pengeluaran, penjualan atau penghapusan lain atau penghapusan catel atau harta lain Majlis dan simpanan akaun sepatutnya untuk sebarang pengiraan stok, catel dan harta tersebut; dan
- (f) penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan oleh Majlis.

Tahun kewangan dan akaun beraudit

24. (1) Majlis hendaklah mempunyai tahun kewangan yang bermula 1 Januari.

(2) Akaun itu hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh juruaudit yang dilantik oleh Majlis.

(3) Majlis hendaklah dalam enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan mengauditkan akaunnya dan menghantar kepada Pihak Berkuasa Negeri, bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun Majlis bersama-sama dengan satu salinan laporan tahunan.

(4) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap kenyataan bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun Majlis dan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 23 dibentangkan di dalam persidangan Dewan Negeri yang akan datang.

Siasatan terhadap akaun

25. (1) Majlis boleh, pada bila-bila masa, mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku, akaun dan urusan Majlis.

(2) Majlis hendaklah memberi kepada orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) akses kepada buku, akaun dan dokumen serta memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang itu untuk menjalankan penyiasatan.

Laporan tahunan

26. (1) Majlis hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangannya, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri, suatu laporan menyentuh kegiatan Majlis pada tahun sebelumnya.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap laporan tahunan itu dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

BAHAGIAN VI

PERMOHONAN AKSES

Lesen akses

27. Mana-mana Pemungut yang berhasrat untuk mendapatkan akses kepada sumber-sumber biologi hendaklah memohon secara bertulis kepada Majlis untuk lesen akses.

Permohonan lesen akses

28. Permohonan bagi lesen akses hendaklah berkenaan dengan akses kepada sumber-sumber biologi yang ditemui di atas—

- (a) tanah Negeri;
- (b) mana-mana rizab, atau apa-apa tanah lain di mana masyarakat asli atau tempatan menjalankan asas masyarakat; dan
- (c) mana-mana kawasan lain, termasuk sungai, anak sungai, terusan atau kawasan yang dilitupi air, taman marin atau sempadan perairan Negeri, dan hendaklah termasuk apa-apa pungutan *ex situ* yang diselenggara oleh Negeri.

Maklumat bagi permohonan lesen akses

29. Permohonan bagi lesen akses hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang berikut:

- (a) identiti Pemungut dan dokumen-dokumen yang membuktikan keupayaannya dari segi undang-undang untuk membuat kontrak;
- (b) butir-butir cadangan aktiviti mengakses Pemungut, yang hendaklah termasuk—
 - (i) sumber-sumber biologi di mana akses adalah dikehendaki, termasuk kegunaan-kegunaan yang dicadangkan;
 - (ii) tujuan akses dikehendaki, termasuk cadangan untuk mengkomersilkan apa-apa maklumat akibat daripada aktiviti mengakses tersebut, dan jenis kegunaan komersil tersebut;
 - (iii) nama institusi Malaysia yang berusahasama dalam pemungutan apa-apa maklumat akibat daripada aktiviti mengakses tersebut, dan jenis kegunaan komersil tersebut;

- (iv) di mana wajar, nama institusi asing yang bertindak sebagai organisasi penaja untuk bertanggungjawab bagi tindakan Pemungut berkenaan dengan aktiviti mengakses;
- (v) tempat yang jelas di mana aktiviti mengakses akan dijalankan atau di mana sumber terletak, termasuk di mana yang berkaitan status tanah menurut kategori sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 28, dan perkembangan yang dicadangkan akan dijalankan;
- (vi) masa aktiviti mengakses dicadangkan untuk dijalankan;
- (vii) destinasi utama sumber dan destinasi-destinasi berikutnya yang mungkin;
- (viii) faedah-faedah, sama ada ekonomi, teknikal, saintifik, alam sekitar, sosial atau selainnya, yang boleh didapatkan untuk negeri dan masyarakat yang berkenaan dan mekanisma-mekanisma yang dicadangkan atau rancangan-rancangan bagi perkongsian faedah;
- (ix) deskripsi apa-apa sumber biologi; dan
- (x) penilaian kesan alam sekitar dan sosio ekonomi meliputi kemungkinan kesan jangka panjang.

Fi permohonan

30. (1) Permohonan hendaklah diserahkan kepada Majlis berserta dengan fi permohonan, yang jumlahnya ditentukan oleh Majlis.

(2) Pemungut hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan berikut yang ditanggung—

- (a) dalam membuat permohonan bagi lesen akses;
- (b) dalam mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis; dan

- (c) dalam memenuhi atau mematuhi apa-apa kehendak atau syarat sebagaimana yang dikenakan oleh peruntukan Enakmen ini.

Penilaian tentang permohonan lesen akses

31. Majlis hendaklah menilai permohonan lesen akses dengan mengambil kira perkara-perkara berikut—

- (a) sumbangan aktiviti mengakses terhadap pemeliharaan dan penggunaan berterusan sumber-sumber biologi;
- (b) kesan aktiviti mengakses ke atas biodiversiti dan alam sekitar, termasuk apa-apa kesan sampingan, risiko dan bahaya kepada mana-mana komponen biodiversiti dan penggunaan berterusannya; dan
- (c) kesan aktiviti mengakses ke atas masyarakat asli dan tempatan, cara hidup dan penghidupan mereka.

Prosedur membuat keputusan

32. (1) Setelah penilaian permohonan dibuat, Majlis hendaklah memaklumkan Pemungut secara bertulis tentang keputusannya bagi lesen akses yang telah—

- (a) diluluskan, dengan atau tanpa apa-apa syarat sebagaimana yang ia boleh tentukan; atau
- (b) ditolak.

(2) Majlis boleh menghendaki maklumat lanjut sebagaimana yang ia sifatkan perlu sebelum membuat keputusannya.

Rayuan

33. Mana-mana orang yang terkilan oleh mana-mana keputusan Majlis boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan bermula daripada tarikh penerimaan keputusan, merayu kepada Majlis.

Syarat-syarat kelulusan bagi lesen akses

34. (1) Majlis hendaklah, sebagai syarat untuk kelulusan lesen akses, menghendaki Pemungut untuk—

- (a) mengenalpasti institusi Malaysia atau badan berasal dari Negeri Pahang, sebagai rakan usaha tempatan yang akan berusahasama dan mengambil bahagian dalam pemungutan, penyelidikan dan perkembangan terhadap dalam pemungutan, penyelidikan dan perlombongan terhadap sumber biologi yang berkenaan; dan
- (b) mengenalpasti institusi asing yang bertindak sebagai organisasi penaja, yang bertanggungjawab bagi tindakan Pemungut dengan mengambilkira aktiviti mengakses, di mana wajar.

(2) Majlis boleh mengenakan atau menyertakan apa-apa syarat untuk kelulusan permohonan sebagaimana ia sifatkan sesuai.

Terma-terma lesen akses

35. Dalam meluluskan permohonan lesen akses, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen akses yang dinyatakan dalam borang yang ditentukan dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan padanya atau sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Kajian semula keputusan yang dibuat oleh Majlis

36. (1) Apa-apa kelulusan yang diberikan boleh tertakluk kepada syarat-syarat selanjutnya sebagai tambahan kepada yang telah dikenakan pada asalnya, atau sekatan-sekatan ke atas, aktiviti mengakses, termasuk dalam kes—

- (a) kesan sampingan ke atas pemeliharaan biodiversiti, termasuk di mana aktiviti mengakses memberi kesan *taxa* terancam, *endemism* atau keluarbiasaan;

- (b) kesan sampingan ke atas kualiti hidup atau nilai kebudayaan masyarakat asli dan tempatan;
- (c) kesan alam sekitar yang tidak dikehendaki atau sukar untuk dikawal;
- (d) bahaya erosi genetik atau kehilangan ekosistem, sumber-sumber mereka atau komponen mereka disebabkan oleh pungutan sumber-sumber biologi yang tidak wajar atau tidak dikawal;
- (e) kesan sampingan ke atas kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan; dan
- (f) kegunaan atau kegunaan berpotensi sumber biologi bagi maksud bertentangan dengan kepentingan Negeri.

(2) Majlis boleh membatalkan dan menamatkan lesen akses dan penggunaan selanjutnya sumber-sumber biologi atau jika jelas bahawa Pemungut telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan padanya, atau mana-mana terma lain yang dipersetujui di bawah lesen akses jika kepentingan awam menghendaki.

(3) Jika sekiranya mana-mana pembatalan lesen akses, Majlis hendaklah tidak tertakluk kepada apa-apa tuntutan bagi kerugian, kerosakan atau pampasan akibat daripada pembatalan lesen akses tersebut.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan-kesalahan

37. Mana-mana orang yang—

- (a) menyalahi peruntukan-peruntukan Enakmen ini melibatkan, menjalankan atau mengusahakan apa-apa aktiviti mengakses tanpa mempunyai lesen akses;

- (b) gagal untuk memberikan atau dengan sengaja menyembunyikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah peruntukan Enakmen ini; dan
- (c) mengalihkan apa-apa sumber biologi keluar daripada Negeri tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Majlis;

adalah menjadi kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda dengan tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih dari satu juta ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya.

Pengambilan barang bukti, data atau sumber-sumber yang tidak dibenarkan daripada Pusat Biodiversiti

38. Mana-mana orang yang dengan tindakan atau dengan cuai, mengambil, memindahkan daripada atau menggunakan apa-apa sumber biologi, barang bukti, data, bahan maklumat yang disimpan, dikumpul atau diselenggara dalam Pusat Biodiversiti adalah menjadi suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda sebanyak tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih dari satu juta ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya.

Larangan terhadap eksport sumber-sumber biologi

39. Tiada eksport bagi tujuan penyelidikan apa-apa sumber biologi yang dipungut daripada tanah diberimilik, kawasan konservasi, rizab hutan, kawasan taman-taman, kawasan dilindungi, tanah Negeri, kawasan-kawasan perlindungan air atau kawasan-kawasan simpanan air, kawasan hidupan liar, sungai-sungai, anak-anak sungai, terusan-terusan, taman-taman marin, ekosistem akuatik yang lain atau sempadan perairan Negeri, tanpa lesen dikeluarkan oleh Majlis.

Kuasa memasuki dan menyiasat

40. Setiausaha, mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa secara bertulis bagi tujuan itu oleh Setiausaha boleh tanpa waran memasuki mana-mana tanah atau premis di atas mana aktiviti mengakses sedang dijalankan ke atas sumber-sumber biologi Negeri dengan pendapat untuk menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dipatuhi, dan boleh membuat apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan ke atas tanah atau premis atau aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas, dan memanggil mana-mana orang yang menyerahkan apa-apa bahan, buku, rekod, laporan atau dokumen atau benda-benda lain dan untuk memberitahu apa-apa maklumat sebagaimana Setiausaha atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa olehnya atau pegawai polis atau pegawai kastam boleh anggap perlu untuk maksud melaksanakan penyiasatan tersebut:

Dengan syarat mana-mana orang yang tidak dalam pakaian seragam mendakwa melaksanakan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah atas permintaan mengemukakan kebenaran bertulisnya kepada pemunya atau penghuni premis meminta yang sama.

Kuasa memeriksa

41. Setiausaha, mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa memasuki atau penyiasatan di bawah seksyen 40 boleh, tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki mana-mana tanah atau premis jika dia menganggap ianya adalah perlu jika dia mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan boleh memeriksa mana-mana tempat dan mana-mana orang yang dia dengan munasabah mempercayai berkaitan dalam pengawalan atau pengurusan atau penggunaan tanah atau premis tersebut, atau sebagai pekerja atau ejen pemunya bagi penghuni di situ.

Kuasa menyita

42. (1) Setiausaha, mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa memasuki atau menyiasat di bawah seksyen 40 boleh merampas, mengalihkan dan menahan apa-apa barang, peralatan, perkakas, dokumen, bahan, spesimen sumber biologi, atau apa-apa benda lain yang digunakan atau dipakai dalam pemungutan, kajian, penyelidikan atau eksperimen yang dijalankan ke atas sumber-sumber biologi Negeri, yang dia dengan munasabah mempercayai akan digunakan atau telah digunakan, dalam melakukan kesalahan atau mengandungi bukti berkaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Tidak ada tindakan tuntutan boleh dibuat terhadap Setiausaha, pegawai polis, pegawai kastam atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa secara bertulis oleh Setiausaha bagi tujuan itu berkenaan dengan rampasan, pengalihan atau penahanan apa-apa borang, peralatan, perkakas, dokumen, bahan atau benda lain di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa barang, peralatan, perkakas, dokumen, bahan atau benda lain yang dirampas, dialih atau ditahan di bawah subseksyen (1) boleh dijual oleh Setiausaha dengan lelongan awam atau sebaliknya, melupuskannya sebagaimana mahkamah boleh perintahkan, dan hasil daripadanya hendaklah, selepas digunakan untuk merangkumi kos rampasan, pengalihan atau penahanan dan penjualan tersebut, dikembalikan kepada pemunya yang sebenarnya.

Kuasa menangkap

43. (1) Setiausaha, pegawai polis atau pegawai kastam atau pegawai lain yang diberikuasa untuk menjalankan kuasa memasuki atau menyiasat di bawah seksyen 40 boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia dengan munasabah mengesyaki melakukan atau cuba untuk melakukan atau membantu mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini dan—

(a) sesiapa yang enggan untuk memberitahu nama dan alamatnya;

- (b) sesiapa yang memberitahu nama dan alamatnya yang dengan munasabah disyaki adalah salah atau yang memberitahu alamat di luar Malaysia; atau
- (c) sesiapa yang dengan munasabah disyaki akan melarikan diri.

(2) Setiap orang yang ditangkap hendaklah dengan seberapa segera yang boleh diserahkan ke dalam jagaan pegawai polis untuk diuruskan menurut undang-undang.

Halangan

44. Mana-mana orang yang menghalang Setiausaha, pegawai polis atau pegawai kastam atau pegawai yang diberi kuasa secara sah menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya atau di bawah Enakmen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda dengan sebanyak sepuluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan

45. Tiada pendakwaan untuk atau berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan atau dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

46. (1) Setiausaha boleh, dengan izin Pendakwa Raya, menawarkan secara bertulis untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak di bawah Enakmen ini dan ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dengan membuat tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila membayar kepada Majlis jumlah tersebut tidak melebihi lima puluh peratus daripada jumlah denda maksimum bagi kesalahan itu dalam tempoh masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran.

(2) Tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan untuknya telah dimulakan.

(3) Jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) dibayar, maka tidak ada pendakwaan yang akan dilakukan sehubungan dengan kesalahan tersebut terhadap orang yang dikenakan kompaun.

(4) Apa-apa barang, peralatan, perkakas, dokumen, bahan, spesimen sumber biologi, atau apa-apa benda lain yang digunakan atau dipakai dalam pemungutan, kajian, penyelidikan atau eksperimen yang dijalankan ke atas sumber-sumber biologi Negeri, yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Setiausaha.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Peraturan-peraturan

47. Majlis, dengan perintah disiarkan dalam *Warta* boleh membuat kaedah-kaedah secara umum bagi maksud menjalankan peruntukan Enakmen ini, dan secara khusus, kaedah-kaedah tersebut boleh memperuntukkan—

- (a) pembayaran fi, saguhati, elaun dan faedah kepada ahli-ahli Majlis, atau penasihat atau konsultan yang dilantik di bawah seksyen 4;
- (b) pengurusan dan pengawalan Pusat Biodiversiti;
- (c) terma-terma dan syarat-syarat untuk mengakses dan untuk menggunakan sumber-sumber biologi Negeri atau apa-apa sumber, data, barang pameran, maklumat atau bahan yang disimpan, dikumpul atau diselenggara dalam Pusat Biodiversiti;

- (d) menentukan terma-terma dan syarat-syarat termasuk fi bagi lesen akses yang akan dikeluarkan di bawah Enakmen ini;
- (e) menentukan amaun deposit jaminan bagi lesen akses;
- (f) penjalanan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Majlis di bawah peruntukan Enakmen ini;
- (g) menentukan hadiah kepada orang atau kumpulan orang kerana memberikan maklumat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sah yang telah dijalankan;
- (h) menentukan insentif kepada orang atau kumpulan orang menjalankan langkah-langkah yang perlu untuk melindungi dan memelihara sumber alam bagi perlindungan dan peningkatan biodiversiti;
- (i) menentukan kesalahan yang boleh dikompaun, orang yang boleh dikompaun, had jumlah wang untuk dikutip bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan tersebut dan prosedur dan bentuk yang hendak dipatuhi dalam mengkompaun;
- (j) menentukan kadar pampasan yang Majlis boleh menghendaki mana-mana orang untuk membayar bagi ganti rugi disebabkan kepada biodiversiti melalui tindakan, peninggalan, kecuiaan atau keingkaran orang tersebut;
- (k) menentukan kaedah dan cara perkongsian faedah untuk mengakses sumber-sumber biologi atau pengetahuan berkaitan;
- (l) menentukan terma-terma dan syarat-syarat bagi lesen untuk mengeksport sumber-sumber biologi;
- (m) semua penyelarasan kaedah penyelidikan berkaitan sumber biologi dan perkongsian faedah dari pengetahuan tradisional; dan
- (n) apa-apa maksud lain yang boleh dianggap perlu untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

48. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain, dan perjanjian yang dimasuki, boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap ahli atau pegawai Majlis atau ahli jawatankuasa, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Pengecualian

49. Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah, mengecualikan Majlis daripada apa-apa kadar, cukai, caj atau fi yang dikenakan atau boleh diperolehi semula oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan di Negeri ini berkenaan dengan mana-mana harta yang dimiliki oleh Majlis atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Rizab Melayu

50. Bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan tanah yang dirizabkan bagi diberi milik atau dipindah milik kepada orang-orang melayu atau kepada bumiputera Negeri, Majlis hendaklah disifatkan sebagai orang Melayu atau seorang bumiputera Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemakaian peraturan-peraturan Kerajaan Persekutuan dan Negeri

51. Walau apapun peruntukan dalam seksyen 47, peraturan-peraturan dan arahan-arahan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah terpakai atas penjalanan Enakmen ini kecuali diputuskan sebaliknya oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Majlis.

Pembubaran Majlis

52. Apabila Majlis dibubarkan, aset Majlis hendaklah selepas semua liabiliti dijelaskan atau dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagai yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri:

Dengan syarat bahawa semua prosiding pembayaran dan akta-akta yang dipinda, dimulakan atau dilakukan di bawah Enakmen yang telah dibatalkan di sini hendaklah berkuat kuasa bagi semua maksud seolah-olah pembayaran, prosiding dan akta-akta telah dibuat, dimulakan atau dilakukan di bawah peruntukan Enakmen ini dan seolah-olah Enakmen ini telah berkuat kuasa.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 25 Ogos 2021.

[SUKPhg.-2.700-3/2/6 (14); PUN.Phg.D/100/26/44]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
*Setiausaha Dewan Negeri,
Pahang*